NOVEL REMAJA

AZMAH NORDIN

PUTERI HARAPAN

SAB00023013

NOVEL REMAJA

AZMAH NORDIN

PUTERI HARAPAN

Puteri Harapan

SAB00023013

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

STAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

TAKAAN DBP
ngan, Sabah.
859.223 Azm
No. Perolehan: 0080/09
Tarikh: 22.1.09

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2008

Novel ini merupakan Pemenang Hadiah Pertama Peraduan Menulis Novel Remaja 1990, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah. Penerbitan novel ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah dengan kerjasama Bahagian Penerbitan Am, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama 1994
Cetakan Kedua 2008
© Azmah Nordin1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakuk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azmah Nordin, 1958-
Puteri harapan / Azmah Nordin.
ISBN 978-983-62-3969-3
1. Malay fiction. I. Judul.
899.2333

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

1

DIAN tersentak lagi. Serta-merta dia berusaha mencelikkan matanya. Namun, kelopak matanya terasa berat dan pedih sekali. Seolah-olah terdapat banyak mutiara yang bergantungan pada bulu matanya. Lantas, dia membatalkan niatnya untuk membuka mata, buat sementara waktu.

Sejurus, Dian mengeluh panjang. Aneh, sekali lagi jeritan itu mengejutkannya daripada tidur yang resah. Entah mengapa, terasa seperti suara halus itu meletus dari belakang kepalanya. Memekik-mekikkan namanya. Amat aneh. Sesekali terdengar pula nyanyian camar bertingkah-tingkah dengan deburan ombak, sayup-sayup di kejauhan. Dan, bunyi itu menujahkan kebingungannya ke tahap paling tinggi, dalam suasana alam yang sekejap panas dan sekejap dingin. Terasa tubuhnya seperti basah dilecuni air.

"A … air?" desisnya sendirian. Dia kian hairan.

"Err … di mana a … aku?"

Dengan tidak semena-mena, wajah tembam Puan

Agnes yang menjadi Pengetua Rumah Puteri Harapan itu, menerjah tiba di dalam fikirannya. Puan Agnes menggeleng, kebosanan.

"Dian ...!" tegur Puan Agnes sambil mencekak pinggang.

"Ya, puan?"

"Apa yang telah kau lakukan?" tanya Puan Agnes. Dia mengeluh panjang sambil mengurut dadanya yang bulat itu.

Dian mengeluh juga. Pada saat itu, sepatutnya dia sedang menelaah buku *Geografi Asia Monsun* dengan tekun. Ujian bulanan cuma beberapa hari lagi. Dian tahu, tidak akan lari gunung dikejar, hilang kabus tampaklah ia. Masalahnya, dia sudah terlambat untuk membuat persediaan yang diperlukan bagi menghadapinya! Seperti dia terlambat membalas surat-surat Abang Syafei, sahabat penanya. Apakah Abang Syafei bosan menunggu surat balasan daripadanya? Sehingga membuatkan Abang Syafei tidak lagi mengutus surat kepadanya? Mungkinkah?

"Ya, mungkin," desis hatinya, kepiluan. "Inilah masalahnya apabila sering menukar alamat rumah dan sekolah!"

Dengan tak semena-mena, dia terbayangkan Rumah Puteri Harapan. Dia terbayang bagaimana dia terlambat pergi ke sekolah pada setiap pagi. Dia seperti dapat melihat bas usang yang melewati perhentian bas, tidak jauh dari Rumah Puteri Harapan. Kelihatan bas itu meluncur laju dan terus meninggalkannya. Lantas,

seperti biasa, dia akan cuba berlari pantas. Bagaikan pecutan seorang jaguh yang ingin mengekalkan kejuaraannya, sekali gus memburu pingat emas; berkilometer jauhnya. Namun, bas itu terus meluncur pergi, biarpun dia kelelahan mengejarnya. Padahal, puas dia menjerit-jerit, sehingga terasa hampir terkeluar anak lidahnya. Malangnya, pemandu bas itu sedikit pun tidak mendengar panggilannya. Dan, dia hampa terus.

Lainlah kalau dia bertolak dari rumah Puan Arbiah atau rumah Puan Romi, atau rumah Puan Justina, atau rumah Puan Nurul ataupun rumah Puan Nita. Lazimnya, dia menumpang kereta mereka, ketika mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Dalam hal seperti itu, keluarga-keluarga angkatnya tidak dapat lari daripada menjalankan tanggungjawab mereka; demi menjaga nama baik di hadapan pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat.

Tetapi, jika daripada Rumah Puteri Harapan itu, Dian terpaksa menumpang bas usang. Alangkah seksanya apabila terpaksa menunggu bas yang cuma satu jam sekali melewati perhentian bas itu! Untuk berjalan kaki ke sekolah? Ah, mustahil. Sekolahnya terletak melebihi sepuluh kilometer jauhnya dari Rumah Puteri Harapan.

Ya, berlari lebih senang! Fikir Dian. Sempat juga sampai, sebelum pagar sekolah ditutup. Mungkin kerana sikapnya yang suka mengamalkan adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung; dia tidak meng-

hadapi banyak masalah dalam lariannya. Dia cuma perlu membuka buku tentang teknik berlari dengan betul dan kemudian mengamalkannya. Ah, mudah sekali bukan? Desis hatinya.

Beberapa detik kemudian, Dian mengerut kening lagi. Bibirnya berkumat-kamit dengan lemah, cuba menyebut sesuatu. Aneh sungguh. Dia merasakan keanehan itu, setiap kali dia cuba membuka matanya.

"Di ... mana aku?" bisiknya, antara kedengaran dengan tidak.

Sayup-sayup, terdengar lagi nyanyian camar bertingkah-tingkah dengan deburan ombak. Suara camar melangsing tinggi. Bunyi ombak berdecup-decap. Amat aneh. Seolah-olah dia sedang berada tidak jauh dari pinggiran pantai. Ataupun macam dia berada dalam bas ekspres yang meluncur laju, melewati pinggiran pantai, dan jika dia membuka mata, tentu dia dapat menyaksikan pemandangan tepi laut yang indah. Tidak jauh dari situ, tentu kelihatan taburan pulau kecil yang menanjak dari dasar laut. Begitulah perasaannya pada ketika itu ... jika dia berani membuka mata.

"Sudah pukul berapakah sekarang?" soal hatinya yang dibelenggu kegelisahan. "Sudah berapa jam dia terlewat bangun? Hari ini hari apa? Berapa hari bulan?"

Hampir sahaja dia menghamburkan ketawa. Lucu. Tambah lucu kalau hari ini hari cuti umum. Maka, apakah yang paling menggembirakan, kalau bukan kerana turut meraikannya? Contohnya, andainya hari itu Hari Kebangsaan, sempena menyambut hari kemerdekaan

negeri Sabah dalam Malaysia. Sekurang-kurangnya, dia tidak perlu terburu-buru pergi ke sekolah.

"Merdeka! Merdeka! Merdeka ...!" Dia akan menjerit begitu di dalam hati. Hm, selepas itu barulah boleh berjumpa si dia ...!

Tambah seronok lagi kalau dapat menyambut kemerdekaan itu, pada saat ini; kemerdekaan dirinya. Dia ingin sekali melepaskan dirinya daripada pelbagai masalah yang membelenggu hidupnya. Dia ingin sangat!

"Ah ...!" rintih hatinya. Memang seronok jika dapat menyambut Hari Kemerdekaan, biarpun di Rumah Puteri Harapan. Dia seperti dapat melihat keredupan suasana Rumah Puteri Harapan yang didirikan di daerah perbukitan, di Tambunan. Kehijauan daun, dahan berbagai-bagai jenis pohon bunga yang berwarna-warni tidak pernah gagal mengasyikkan pandangannya. Beberapa orang kanak-kanak pelbagai kaum, sering berloncatan riang, bermain alat-alat permainan yang ada di sekitar bangunan itu. Tapak-tapak kaki comel, berkejaran ke sana ke mari, menambahkan keriuhan di sekitar. Kanak-kanak pelbagai kaum itu bergaul mesra bagaikan sebuah keluarga besar. Kicau burung yang merdu dari dahan pohonan rendang, seperti turut memeriahkan semangat kekeluargaan mereka di situ.

Dengan tak semena-mena, Dian tersendu keharuan. Ya, memang seronok menyambut Hari Kemerdekaan di Rumah Puteri Harapan; satu-satunya tempat peng-